

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



FAEDAH-FAEDAH PERHIMPUNAN RASMI SEKOLAH

- Memupuk semangat patriotik
- Mendapat pelbagai maklumat
- Mengasah bakat murid

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Setiap individu mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa depan.
Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impian anda.
- 2 Sekolah anda akan mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan. Anda telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang dan diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.
Sediakan teks ucapan anda selengkapnya.
- 3 Malaysia memerlukan atlet-atlet pelapis berkualiti yang mampu bersaing di peringkat dunia.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti?
- 4 Kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan membawa pelbagai kebaikan kepada negara-negara terlibat.
Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.
- 5 *Apabila terpelihara lidah
Nescaya dapat daripadanya faedah*
Petikan gurindam di atas menjelaskan bahawa kita perlu menjaga tutur kata kerana banyak manfaatnya.
Huraikan manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan.